

## STPM Kertas 1 Set KVK 1:

### Soalan 5

- (a) Jelaskan maksud verifikasi dalaman, iaitu satu daripada prinsip kawalan dalaman. Nyatakan dua tatacara verifikasi dalaman yang sentiasa dilakukan pada akhir setiap bulan dalam satu sistem maklumat perakaunan. Perihalkan dua ciri verifikasi dalaman yang boleh menambahkan keberkesanan pelaksanaan sistem kawalan dalaman di sesebuah organisasi.

(6 markah)

- (b) Syarikat TikTok menjual alat mainan berjenama Toki kepada pelanggan-pelanggannya di sekitar bandar Sungai Bakap. Harga belian dan harga jualannya untuk barangan ini sentiasa berubah. Bagi bulan November 2020, urus niaga yang berkaitan dengan pergerakan inventori berikut telah direkodkan:

| Tarikh | Butiran         | Jumlah unit dan kos / harga seunit |
|--------|-----------------|------------------------------------|
| Nov 1  | Baki            | 520 @ RM15 seunit                  |
| 6      | Belian kredit   | 1,200 @ RM14.50 seunit             |
| 9      | Pulangan belian | 100 @ RM14.50 seunit               |
| 13     | Jualan tunai    | 800 unit @ RM20 seunit             |
| 18     | Belian tunai    | 950 unit @ RM14 seunit             |
| 24     | Belian kredit   | 500 unit @ RM14.20 seunit          |
| 27     | Jualan kredit   | 1,400 unit @ RM20.50 seunit        |

Maklumat tambahan:

- Pengiraan inventori secara fizikal menunjukkan inventori akhir berjumlah 800 unit.
- Syarikat ini menggunakan sistem inventori berterusan dengan penilaian inventori dibuat mengikut kaedah Masuk Dahulu, Keluar Dahulu (MDKD).
- Belanja operasi bagi bulan November 2020 berjumlah RM6,480.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan catatan jurnal bagi merekodkan urus niaga di atas, termasuk pelarasan yang perlu dibuat selepas pengiraan inventori fizikal.

(7 markah)

- (ii) Sediakan penyata pendapatan komprehensif bagi bulan berakhir 30 November 2020 bagi Syarikat Tiktok ini.

(4 markah)

- (iii) Nyatakan tiga sebab mengapa kaedah Masuk Kemudian, Keluar Dahulu (MKKD) tidak dibenarkan oleh piawaian perakaunan sebagai satu kaedah penilaian inventori dalam praktis sebenar.

(3 markah)